



DALAM arena silat olahraga tempatan, Ahmad Wardi Salim adalah antara nama yang sering menerima perhatian umum. Ketokohan, gaya dan semangat berjuang tingginya memang tidak boleh dipersoalkan.

S. Harian (M)

Contoh yang paling nyata terhadap keunggulannya ialah apabila pesilat yang berasal dari Melaka itu berupaya mencatat rekod peribadi memberangsangkan dengan menjuarai Kelas B bagi kategori 45-50 kilogram, enam kali berturut-turut di Kejuhanan Kebangsaan.

- 8 DEC 1990

Rekod yang menyerlah itu meletakkan 'Pahlawan Melaka' berkenaan dalam kelasnya yang tersendiri dan sukar digugat.

Ahmad Wardi turut memenangi pingat emas kelas yang sama di Kejuhanan Dunia di Kuala Lumpur pada 1987. Selepas itu, dia meluaskan penguasaannya dalam seni mempertahankan diri tradisional berkenaan dengan memenangi gangsa di Sukan SEA Jakarta, tahun yang sama.

Bagaimanapun, di kalangan pesilat Asia Tenggara, Ahmad Wardi yang ternyata kecewa dengan keputusan teknikal semasa bertanding dalam Sukan SEA Kuala Lumpur tahun lalu dan terpaksa berpuas hati dengan menduduki tempat kedua dalam kelasnya.

Seperkara lagi, yang tidak kurang pentingnya apabila berbicara mengenai Ahmad Wardi ini ialah beliau pernah mencatat rekod terpanjang dalam menewaskan pencabarnya di peringkat kebangsaan, iaitu 56 saat selepas perlawanan dimulakan.

DATA JAGUH

- **NAMA:** Ahmad Wardi Salim
- **ASAL:** Melaka
- **KATEGORI:** Kelas B
- **ANTARA KEJOHANAN ANTARABANGSA DISERTAI:** Kejuhanan Dunia Vienna 1985 dan Kuala Lumpur 1987; Sukan SEA Jakarta 1987 dan Kuala Lumpur 1989; Sukan Kemerdekaan Brunei 1990; dan Terbuka Malaysia 1990